



## **NOTIS MAKLUMAN**

### **LARANGAN MENGHEBAHKAN MAKLUMAT KEPADAA ORANG KETIGA**

LPPSA tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat kepada orang ketiga iaitu bukan pemilik pembiayaan jika terdapat sebarang pertanyaan melalui mana-mana saluran kecuali pihak peguam yang telah dilantik oleh peminjam sebagai pemegang pertaruhan di mana peguam tersebut adalah terhad untuk bertanyakan mengenai dokumentasi cagaran dan bayaran kemajuan sahaja. Bagi pihak pemaju, informasi berkenaan dengan pembayaran kemajuan sahaja akan dibekalkan

Pihak jabatan peminjam yang memerlukan maklumat pembiayaan dengan lebih terperinci perlu mengemukakan pertanyaan / permohonan melalui surat rasmi kepada LPPSA.

Bagi peminjam yang telah meninggal dunia, hanya waris yang sah dan berhak sahaja yang boleh berurusan dengan LPPSA. Waris hanya akan dilayan selepas mengemukakan bukti pertalian dengan peminjam yang telah meninggal dunia.

*Keputusan ini mengikut peruntukan:*

**AKTA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM 2015 (AKTA 767)**

### **Obligasi Kerahsiaan**

**41.** (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Lembaga, tiada anggota Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana pekerja atau ejen Lembaga, atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana orang lain yang atas apa-apa sebab mempunyai,melalui apa-apa cara, akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Lembaga boleh memberikan, membuka, mendedahkan atau selainnya menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang .

**(2)** Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sebuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sekian.

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**